



**KERAJAAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN**

---

**SURAT PEKELILING UNIT PERANCANG EKONOMI  
NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN  
BILANGAN 1 TAHUN 2020**

**GARIS PANDUAN BAGI PENYEDIAAN  
ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN  
RANCANGAN PEMBANGUNAN NEGERI  
PERAK DARUL RIDZUAN 2021 – 2025  
(RPP 2021 – 2025)**

---

**UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI**

1. TUJUAN.....	1
2. PENETAPAN KEUTAMAAN PROJEK / PROGRAM.....	2
3. KLASIFIKASI PERBELANJAAN PEMBANGUNAN.....	3
4. PENYEDIAAN PERMOHONAN PROJEK / PROGRAM.....	3
5. KAEDAH PERMOHONAN PROJEK / PROGRAM.....	4
6. PEGAWAI PERHUBUNGAN JABATAN / AGENSI.....	5
7. URUS SETIA.....	5
8. TARIKH KUAT KUASA.....	5
9. PEMAKAIAN.....	6
LAMPIRAN A.....	7
LAMPIRAN B.....	10
LAMPIRAN C.....	12

UPEN.PK.19/23 (18)



**KERAJAAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN**

**SURAT PEKELILING UNIT PERANCANG EKONOMI  
NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN  
BILANGAN 1 TAHUN 2020**

Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan  
Jabatan-Jabatan Negeri  
Agensi-Agensi Negeri  
Perak Darul Ridzuan

**GARIS PANDUAN BAGI PENYEDIAAN  
ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN  
RANCANGAN PEMBANGUNAN NEGERI  
PERAK DARUL RIDZUAN 2021 – 2025  
(RPP 2021 – 2025)**

**1. TUJUAN**

- 1.1 Pekeliling ini disediakan bertujuan untuk memberi panduan kepada jabatan / agensi negeri bagi penyediaan anggaran perbelanjaan pembangunan yang akan menggunakan peruntukan negeri untuk tempoh pelaksanaan Rancangan Pembangunan Negeri Perak Darul Ridzuan 2021 – 2025 (RPP 2021 - 2025).

- 1.2 Garis panduan ini disediakan bagi membantu jabatan / agensi negeri dalam merangka cadangan projek / program pembangunan dengan lebih tersusun bagi memastikan kelemahan perancangan dan pelaksanaan yang lalu tidak berulang.

## **2. PENETAPAN KEUTAMAAN PROJEK / PROGRAM**

Jabatan / Agensi hendaklah mengemukakan cadangan projek / program pembangunan RPP 2021 - 2025 dengan memberi keutamaan kepada:

- 2.1 Projek / Program sambungan RMKe-11 Negeri yang mempunyai ikatan kontrak.
- 2.2 Projek / Program yang mendapat kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Negeri Perak.
- 2.3 Projek / Program yang selari dengan dasar dan pelan pembangunan negeri dan persekutuan yang telah diluluskan seperti Rancangan Struktur Negeri, Rancangan Tempatan dan Rancangan Kawasan Khas.
- 2.4 Kos pelaksanaan projek / program yang optimum dan memberi hasil yang cepat serta impak yang tinggi kepada masyarakat.
- 2.5 Projek / Program yang dapat merangsang pertumbuhan ekonomi, meningkatkan pendapatan rakyat, mengutamakan kesejahteraan sosial dan memastikan kelestarian alam sekitar.

### 3. KLASIFIKASI PERBELANJAAN PEMBANGUNAN

Setiap cadangan projek / program pembangunan RPP 2021 – 2025 yang dikemukakan perlu mematuhi klasifikasi perbelanjaan pembangunan yang ditetapkan seperti di Lampiran A.

### 4. PENYEDIAAN PERMOHONAN PROJEK / PROGRAM

4.1 Dalam menyediakan anggaran perbelanjaan pembangunan untuk tempoh RPP 2021 - 2025, jabatan / agensi perlu membuat perancangan secara komprehensif dan mengambil kira pandangan pihak-pihak berkepentingan. Jabatan / Agensi hendaklah mengadakan perbincangan dengan kumpulan sasaran yang bersesuaian di peringkat negeri serta daerah bagi tujuan penyediaan dan penentuan keutamaan cadangan projek / program.

4.2 Sumber kewangan jabatan / agensi hendaklah diambil kira sebelum mengemukakan cadangan projek / program pembangunan yang akan menggunakan peruntukan negeri. Sehubungan dengan itu, perkara-perkara berikut perlu diberi perhatian:

4.2.1 Jabatan / Agensi yang mempunyai sumber kewangan dalaman yang kukuh hendaklah membiayai sebanyak mungkin projek / program pembangunan masing-masing.

4.2.2 Jabatan / Agensi yang mendapat peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri hendaklah memastikan cadangan projek / program pembangunan yang menggunakan peruntukan negeri dimanfaatkan sebaiknya dan selari dengan dasar-dasar tumpuan negeri.

4.3 Permohonan bagi projek fizikal perlu mematuhi perkara-perkara berikut:

4.3.1 Tanah merupakan komponen penting bagi memastikan projek yang dimohon sedia untuk dilaksanakan. Permohonan bagi projek binaan tidak akan dipertimbangkan sehingga urusan tanah selesai.

4.3.2 Semua projek fizikal wajib mendapat ulasan bertulis daripada jabatan teknikal seperti Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) atau unit teknikal di jabatan / agensi masing-masing terlebih dahulu sebelum permohonan projek dikemukakan.

4.3.3 Permohonan bagi cadangan projek pembinaan baharu perlu disertakan dengan Laporan Penilaian Tapak seperti di **Lampiran B**.

## **5. KAEDAH PERMOHONAN PROJEK / PROGRAM**

5.1 Setiap permohonan hendaklah dikemukakan secara atas talian menerusi Sistem e-Projek (<http://eprojek.perak.gov.my/>).

5.2 Tarikh permohonan adalah dari **1 Januari 2020 sehingga 31 Mac 2020**.

## 6. PEGAWAI PERHUBUNGAN JABATAN / AGENSI

Setiap jabatan / agensi hendaklah melantik seorang pegawai kanan yang akan bertanggungjawab untuk menyelaras penyediaan anggaran perbelanjaan pembangunan RPP 2021 - 2025. Maklumat pegawai tersebut hendaklah dikemukakan kepada urus setia dalam tempoh seminggu dari tarikh garis panduan ini dikeluarkan dengan menggunakan format seperti di **Lampiran C**.

## 7. URUS SETIA

Sebarang pertanyaan berkaitan garis panduan ini hendaklah dikemukakan kepada urus setia seperti berikut:

Urus Setia

Rancangan Pembangunan Negeri

Perak Darul Ridzuan 2021 – 2025 (RPP 2021 – 2025)

Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)

Aras 1, Bangunan Perak Darul Ridzuan

Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab

30000 Ipoh, Perak

Telefon : 05-2095000

Faksimili : 05-2418173

E-mel : bajetpembangunan@perak.gov.my

## 8. TARIKH KUATKUASA

Surat Pekeliling ini berkuat kuasa mulai pada tarikh ianya dikeluarkan.

**9. PEMAKAIAN**

Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Jabatan-Jabatan Negeri dan Agensi-Agensi Negeri Perak Darul Ridzuan hendaklah memastikan peraturan yang ditetapkan dalam surat pekeliling ini dipatuhi.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

**(YB DATO' AHMAD SUAIDI BIN ABDUL RAHIM)**

Setiausaha Kerajaan Negeri  
Perak Darul Ridzuan

Januari 2020



Lampiran A

**KLASIFIKASI PERBELANJAAN PEMBANGUNAN  
NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN**

Bil.	Klasifikasi	Perbelanjaan Pembangunan
1.	Bina Baharu, Ubah Suai, Naik Taraf dan Penyelenggaraan	<p>(i) Kerja-kerja bina baharu, ubah suai dan naik taraf.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bina baharu - pembinaan bangunan / infrastruktur baharu.</li> <li>• Ubah suai - ubah suai bangunan / infrastruktur sedia ada yang tidak melibatkan perubahan struktur / saiz sedia ada.</li> <li>• Naik taraf - naik taraf bangunan / infrastruktur sedia ada yang melibatkan perubahan struktur / saiz sedia ada.</li> </ul> <p>(ii) Termasuk perolehan peralatan / kelengkapan / perabot secara pakej bagi melengkapkan fungsi bangunan / infrastruktur tetapi bukannya penggantian peralatan / kelengkapan / perabot sedia ada.</p> <p>(iii) Kerja-kerja penyelenggaraan bangunan / infrastruktur yang melibatkan kos melebihi RM500,000 setahun.</p>

**SURAT PEKELILING UPEN PERAK BIL. 1/2020**

<b>Bil.</b>	<b>Klasifikasi</b>	<b>Perbelanjaan Pembangunan</b>
2.	Perolehan Aset	<p>(i) Aset Kekal - Perolehan aset kekal seperti tanah, bangunan dan infrastruktur yang berkaitan dengan pembangunan.</p> <p>(ii) Aset Alih - Perolehan aset yang boleh dipindahkan dari satu tempat ke tempat lain secara mudah yang berkaitan dengan pembangunan.</p> <p>(iii) Aset Hidup - Perolehan aset bernyawa seperti tumbuhan dan haiwan yang berkaitan dengan pembangunan.</p>
3.	Pembangunan Modal Insan Dan Latihan	Perbelanjaan yang melibatkan pembangunan modal insan kumpulan sasar dan bukan kakitangan jabatan / agensi.
4.	Pembangunan Digital	<p>(i) Pembangunan sistem baharu dan naik taraf sistem sedia ada.</p> <p>(ii) Termasuk perolehan peralatan / kelengkapan / perkakasan / perisian / yuran langganan / lesen perisian ICT secara pakej bagi melengkapkan fungsi sistem.</p>
5.	Promosi / Pengiklanan / Kempen	Program forum, ekspo, promosi, pengiklanan dan kempen yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi, kesejahteraan sosial serta kelestarian alam sekitar.

**SURAT PEKELILING UPEN PERAK BIL. 1/2020**

<b>Bil.</b>	<b>Klasifikasi</b>	<b>Perbelanjaan Pembangunan</b>
6.	Dana / Bantuan / Sumbangan	Dana / bantuan bagi tujuan pembangunan.
7.	Kajian / Perunding / Penyelidikan	Kos berkaitan kajian dan bayaran perunding untuk tujuan pembangunan.

**LAMPIRAN B**

**LAPORAN PENILAIAN TAPAK  
BAGI PERMOHONAN PROJEK PEMBINAAN RPP 2021 - 2025  
NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN**

1.	Nama projek	:	
2.	Alamat / lokasi projek	:	
3.	Tarikh lawatan tapak	:	
4.	Saiz tapak (ekar)	:	
5.	Jarak jalan masuk	:	
6.	Paras banjir	:	
7.	Pembangunan / guna tanah di kawasan berdekatan	:	
8.	Halangan fizikal di tapak	:	Halangan fizikal seperti binaan struktur, setinggan, rumah ibadat, kubur dan lain-lain jika ada
9.	Geologi tapak	:	Tapak terdiri dari tanah yang baik / stabil atau terdapat sebahagian / keseluruhan tapak yang berpayau / mempunyai permukaan berbatu
10.	Topografi tapak	:	Bentuk muka bumi rata / berbukit / mempunyai kawasan takungan air / anak sungai / sungai menyusuri tapak

**SURAT PEKELILING UPEN PERAK BIL. 1/2020**

11.	Jarak punca bekalan utiliti	:	Air : ... km dari tapak Elektrik : ... km dari tapak Telekomunikasi : ... km dari tapak
12.	Maklumat tambahan	:	

**Pengesahan Jabatan Teknikal**

Tapak adalah sesuai untuk membangunkan projek yang dicadangkan

Tapak kurang sesuai dan jabatan / agensi perlu mencari tapak alternatif

.....  
.....  
.....

**Disediakan oleh:**

**Diperakukan oleh:**

.....  
Nama :

.....  
Nama :

Jawatan :

Jawatan :

*Nota: Sila lampirkan pelan lokasi, pelan tapak, gambar-gambar lawatan tapak dan maklumat-maklumat tambahan berkaitan tapak.*

LAMPIRAN C

**PEGAWAI PERHUBUNGAN JABATAN / AGENSI BAGI  
PENYEDIAAN ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN  
RANCANGAN PEMBANGUNAN NEGERI  
PERAK DARUL RIDZUAN 2021 – 2025**

**Jabatan / Agensi :** .....

Nama	
Jawatan	
Alamat Pejabat	
Telefon (pejabat)	
Telefon (bimbit)	
Faksimili	
E-mel	